

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	25 MARCH 2017

PM pengerusi dialog meja bulat ekonomi

BH- 25/3/2017

➔ Pertemuan bagi dapatkan input peserta industri, persatuan mengenai isu semasa negara

Putrajaya

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak semalam bertemu peserta industri dan persatuan perniagaan pada dialog meja bulat ekonomi di sini untuk mendapatkan maklumat balas, input dan idea mengenai isu ekonomi negara.

Najib yang juga Menteri Kewangan, dalam ucapannya pada pertemuan itu berkata, beliau mahu mendengar sendiri dan mengambil pandangan mereka bagi membolehkan kerajaan menangani isu berkenaan.

"Kita berjumpa untuk membincangkan isu semasa yang berkaitan dasar kerajaan, bukan sahaja dalam konteks jangka pendek, tetapi dalam jangka panjang ke arah TN50 (Transformasi Nasional 2050) yang mana kita mahu Malaysia terus membangun dan berjaya sebagai 20 negara terbaik," katanya.

Perdana Menteri berkata, tumpuan perlu diberikan terhadap inflasi dan kos sara hidup yang tinggi, yang menjadi rungutan dalam kalangan rakyat.

Walaupun ramai yang merungut, Najib berkata satu kajian baru-baru ini mendapati Kuala Lumpur adalah bandar raya paling murah di ASEAN.

Asas ekonomi Malaysia baik

Najib berkata, asas ekonomi Malaysia adalah baik, dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencapai 4.2 peratus tahun lalu.

"Menurut laporan Bank Negara (kelmarin), kita akan memperoleh 4.3 peratus dan ke atas, mungkin di bawah sedikit daripada lima peratus pada tahun ini.

"Ini adalah jangkaan kita untuk tahun ini dan 2018, (KDNK Malaysia) akan mencatat prestasi yang lebih baik jika tiada sebarang perkembangan yang tidak dijangka," katanya.

Dalam pada itu, Najib mengingatkan peserta industri bahawa negara masih perlu menambah baik produktiviti dan isu seperti hutang isi rumah yang pada masa ini pada 89 peratus daripada KDNK.

Beliau berkata, kadar produk-



Kita berjumpa untuk membincangkan isu semasa yang berkaitan dasar kerajaan, bukan sahaja dalam konteks jangka pendek, tetapi dalam jangka panjang ke arah TN50 (Transformasi Nasional 2050) yang mana kita mahu Malaysia terus membangun dan berjaya sebagai 20 negara terbaik"

Najib Razak,
Perdana Menteri

tiviti negara perlu meningkat kepada 4 peratus setiap tahun dari paras semasa 2.3 peratus.

Najib juga berkata beliau memerlukan input dan idea berkaitan bagi menjadikan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) lebih berdaya saing dan membangunkan digital ekonomi, sebagai contoh Digital Malaysia.

Perdana Menteri berkata, beliau percaya pada tiga prinsip seperti yang dinyatakan dalam ucapan beliau pada Forum Transformasi Global (GTF) 2017, Rabu lalu - pembangunan modal insan, kesalinghubungan dalam infrastruktur, internet dan ruang siber serta keterangkuman.

"Saya yakin tiada rakyat Malaysia yang akan tercicir. Itulah tiga prinsip yang saya percaya dan harus menjadi sebahagian daripada dasar kita untuk melangkah ke hadapan," katanya.

Najib berkata, projek ikonik seperti Lebuhraya Pan Borneo, Kereta Api Berkelajuan Tinggi, laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Bandar Malaysia boleh membawa perubahan untuk Malaysia. **BERNAMA**